

Laluan purba 100 tahun hubung 2 kampung ditemui

BH 8/3/2021 m/s 18

Eksplorasi
GEONAT kesan
terowong
panjang, struktur
batu berbentuk
tangga dalam gua

Ipoh: Kajian sebuah persatuan warisan mendapati wujud laluan zaman purba yang menghubungkan dua kampung di kawasan selatan Gunung Lanno, Simpang Pulai di sini yang dipercayai digunakan penduduk lebih 100 tahun lalu.

Pengerusi Persatuan Jurupandu Pelancong Geopark Warisan Alam Semulajadi Perak (GEONAT), Mohd Fadly Md Noor, berkata, pihaknya menjelajah kawasan berkenaan selepas menerima maklumat daripada penduduk setempat, kira-kira tiga bulan lalu.

"Kami dipanggil untuk membuat kajian dan selepas melakukan eksplorasi berdasarkan peta topografi lama yang diterbitkan pada 1916, kami menemui kesan laluan yang pernah digunakan pada zaman dahulu. Antara penemuan termasuk terowong panjang dan struktur batu berbentuk tangga di dalam gua," katanya



GEONAT menemui jejak laluan purba berusia lebih 100 tahun di kawasan selatan Gunung Lanno, Simpang Pulai.

ketika ditemui pemberita.

Beliau berkata, laluan itu dipercayai digunakan bagi menghubungkan dua perkampungan, iaitu Teluk Kangor dan Serba Jadi ketika zaman Propaganda British di Tanah Melayu pada

zaman Perang Dunia Pertama, namun kebanyakan kawasan kampung itu kini menjadi kawasan perindustrian.

Katanya, hasil penemuan itu akan dibentangkan kepada pihak berkaitan bagi membolehkan ka-

jian lanjut dijalankan dengan lebih terperinci di lokasi diwartakan sebagai zon kuari, di bawah pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah.

"Selain itu, terdapat keunikan di kawasan terbabit yang kami percaya berpotensi untuk dimajukan menjadi pusat konservasi, malah sesuai dijadikan lokasi aktiviti seperti berkayak atau lokasi pelancongan kerana terdapat kolam sedalam kira-kira dua meter (m).

"Kajian lanjut boleh dijalankan pihak pengkaji sejarah atau institusi pengajian tinggi kerana kami mendapati terdapat kawasan kolam air berbentuk H yang unik mengalir dari kawasan bukit," katanya.

Mohd Fadly berkata, jika kawasan itu dapat usahakan sebagai tempat tumpuan pelancong, ia bakal menjadi gua pertama dengan penyediaan aktiviti air terutama berkayak di Perak.

Beliau berkata, persatuan itu bersama ahlinya yang turut terdiri daripada pakar selam, jururawat dan pasukan air terjun kini masih menjalankan kajian lanjut berkaitan struktur batu dan persekitaran kawasan gua itu serta aspek keselamatan, termasuk mengenal pasti masa sesuai untuk dikunjungi berdasarkan paras air dan faktor cuaca.

BERNAMA